

24/09/1998

Media asing tidak hiraukan kebenaran

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin sekali lagi membuat penjelasan mengenai perkara berbangkit berhubung penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), berikutan timbulnya pelbagai reaksi memburuk-burukkan tindakan polis dan kerajaan. Perdana Menteri terpaksa membuat penjelasan itu kerana masih ada rakyat yang sukar menerima hakikat Anwar melakukan perbuatan tidak bermoral, apatah lagi perlakuan seks di luar tabii.

Sebagaimana dijelaskan, Dr Mahathir sendiri pada mulanya tidak dapat menerima tuduhan seperti itu kerana begitu yakin dengan prinsip dan idealisme Anwar terhadap Islam. Anwar sentiasa menonjolkan dirinya sebagai seorang yang warak, hingga mengimamkan solat dan berkhutbah di masjid. Disebabkan kerjaya politik bekas Timbalan Perdana Menteri itu meningkat dengan begitu cepat, Dr Mahathir beranggapan ada pihak yang ingin menjatuhkan Anwar. Jika Dr Mahathir sendiri yang begitu erat hubungannya tidak percaya mengenai kecenderungan seks luar tabii Anwar selepas mendapat maklumat daripada Tan Sri (kini Tun) Haniff Omar (ketika itu menjawat jawatan Ketua Polis Negara), bermakna kepercayaannya terhadap Anwar begitu tinggi. Haniff tentulah ada asas untuk memberitahu Perdana Menteri hal jijik itu. Sudah tentulah apabila kes Anwar terdedah, rakyat juga sukar mempercayainya. Dengan penyaluran maklumat menerusi Internet disokong pula surat layang dan berita angin yang begitu hebat, rakyat seolah-olah percaya Anwar menjadi mangsa fitnah dan teraniaya. Tambahan pula Anwar masih belum di hadapkan ke mahkamah di atas tuduhan salahlaku seks itu. Maka bertambah kuatlah keyakinan orang ramai Anwar tidak bersalah.

Bagi mereka, jika benar-benar ada bukti mengenai kesalahan yang dilakukannya, Anwar sepatutnya dihadapkan di mahkamah. Mereka juga mempersoalkan mengapa Anwar harus dilucutkan jawatan daripada Kabinet dan dipecat daripada Umno sedangkan beliau belum terbukti bersalah. Ramai lupa pelucutan jawatan Anwar itu adalah hak mutlak Perdana Menteri manakala pemecatannya daripada parti adalah keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno. Urusan menghadapkan Anwar ke mahkamah membabitkan prosedur undang-undang yang perlu dipatuhi. Penahanan Anwar Ahad lalu adalah disebabkan tindakannya yang dianggap menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam. Jika ada pihak yang membuat andaian Anwar tidak akan didakwa atas dakwaan perilaku seksnya, kononnya tidak mempunyai bukti cukup, ia ternyata silap. Sebagaimana dinyatakan, Anwar tetap dihadapkan ke mahkamah. Penahanan Anwar di bawah ISA tidak bermakna kerajaan mahu 'membersihkan tangan' walaupun itulah sebenarnya diharapkan Anwar agar segala perlakuannya tidak terdedah di mahkamah terbuka.

Tidak dapat dinafikan ramai juga yang tidak percaya Anwar boleh melakukan perkara yang begitu jijik. Begitu taksubnya mereka terhadapnya. Ditambah pula liputan penyingkiran dan penahanannya oleh media asing yang memberi gambaran seolah-olah dia dianiaya. Media asing bertindak sebagai pembela kepada Anwar dan gerakan reformasinya. Inikah yang dikatakan bersifat objektif? Malah penyokong dan yang bersimpati dengan Anwar serta mereka yang tidak senang dengan Dr Mahathir menuduh media tempatan pula tidak bersifat objektif.

Jelas apa yang dikatakan objektif dilihat daripada perspektif berlainan. Bagi kita, tindakan terhadap Anwar dilakukan mengikut peraturan, bukannya tindakan melulu tanpa asas. Kita juga melihat keadaan yang berlaku dari

segi kesejahteraan dan keselamatan rakyat serta keutuhan negara. Sebaliknya media asing mempunyai agenda sendiri, yaitu membuat laporan negatif terhadap sesuatu negara. Lagi buruk sesuatu kejadian, lebih baik bagi mereka.

Sejak tiga minggu lalu, sama ada menerusi agensi berita, majalah dan media elektronik, keadaan di negara ini digambarkan seolah-olah berada dalam keadaan huru hara. Walhal pada hakikatnya, setiap rakyat masih meneruskan kehidupan harian seperti biasa. Apa yang jelas, media asing yang telah berjaya memberi gambaran amat buruk mengenai keadaan di Indonesia, cuba melanjutkan suasana demikian di negara ini. Mereka lupa, isu reformasi di Indonesia diibarat 'bagaikan langit dan bumi' dengan isu yang dihadapi di negara ini yang berkisar kepada masalah perilaku moral Anwar. Apakah sekarang, apabila rakyat Indonesia benar-benar menderita, mereka berpuas hati? Tidak diragui, misi media asing hanyalah melihat rakyat bergaduh sesama sendiri dan berlaku kekacauan. Mereka sedikitpun tidak memperdulikan nasib malang yang akan dilalui rakyat. Apa yang mereka mahu ialah membuat liputan bukannya pembelaan nasib malang rakyat. Bagi mereka yang menjadi berita ialah perkara negatif. Jadi selagi ada yang negatif berlaku itulah saja yang mereka hebahkan. Kebenaran bukan matlamat mereka walaupun inilah yang mereka laung-laungkan.

(END)